

03/01/2002

Royal Mint perkenal tiga skim francais

THE Royal Mint of Malaysia (Royal Mint) akan memperkenalkan tiga skim francais iaitu perkhidmatan kewangan, peruncitan produk cenderamata dan kraftangan yang bakal mewujudkan peluang perniagaan kepada lebih 2,000 usahawan baru tahun ini.

Sasaran penyertaan skim itu adalah mereka yang diberhentikan kerja dan yang terbabit dalam skim pemisahan sukarela (VSS) khususnya daripada sektor perbankan, insurans dan pembrokeran saham.

Pengarah Eksekutif Royal Mint, Datuk Nik Mohd Amin Nik Abdul Majid, berkata sebagai permulaan sebanyak 50 cawangan francais perkhidmatan kewangan akan dibuka dan merancang menambahnya kepada 500 dalam tempoh tiga tahun.

Beliau berkata, antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuk sistem bayaran, pengeluaran tiket, pertukaran mata wang asing, pengagihan dan kutipan pinjaman.

"Ini adalah perniagaan baru Royal Mint dan akan ditawarkan ke seluruh negara dengan fungsinya sebagai pihak ketiga," katanya di Shah Alam, Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian selepas majlis lawatan dan majlis Hari Raya bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ke kilang Royal Mint.

Royal Mint adalah pengeluar dan penempa syiling di Malaysia yang berupaya mengeluarkan lebih 5.5 juta pelbagai jenis syiling sehari dengan menggunakan 14 mesin khas.

Nik Mohd Amin berkata, projek perintis perkhidmatan kewangan dijangka bermula Mac ini menerusi anak syarikatnya The Royal Mint Exchange Sdn Bhd dengan modal permulaan RM10 juta manakala kos untuk membuka cawangan adalah kira-kira RM250,000.

Katanya, penubuhan syarikat itu akan membabitkan beberapa pemegang saham termasuk Khazanah Nasional.

"Kami juga akan meminta bantuan Perbadanana Usahawan Nasional Berhad (PUNB) untuk membangunkan sistem francais itu khususnya perkhidmatan kewangan dan kraftangan," katanya.

(END)